

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 20 SEPTEMBER 2014 (SABTU)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	Malaysia sasar lancar satelit guna kepakaran saintis tempatan menjelang 2024	Bernamea.com
2	Musim peralihan monsoon mula hujung september	Bernamea.com
3	Gempa bumi sederhana landa kepulauan Solomon	Bernamea.com
4	Jawatankuasa bebas kaji SOP peperiksaan awam bermesyuarat rabu ini – Tun Zaki	Bernamea.com



## Malaysia Sasar Lancar Satelit Guna Kepakaran Saintis Tempatan Menjelang 2024



Pemenang Pertandingan Video Merdeka 2014, Arvintharan Vallithan, 19 (tengah) dari Lim Kok Wing Universiti yang memenangi tempat pertama bersama pemenang tempat kedua, Shakiratul Husna Raman, 25 (kanan) dari Universiti Teknologi Mara (UiTM), dan pemenang tempat ketiga, Theivarubini Subtirabosh, 21 (kiri) dari Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) bersama-sama hadiah serta sijil yang dimenangi

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Malaysia menyasarkan untuk melancarkan satelit buatan sendiri dengan menggunakan kepakaran saintis tempatan sepenuhnya pada 2024.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah** berkata kementerian sudah memulakan gerak kerja sejak awal tahun dengan melatih saintis negara dalam usaha mencapai sasaran itu.

"Kita sudah memulakan kerja itu dengan menghantar mereka berlatih di luar negara termasuk letakkan mereka di syarikat besar yang terlibat dalam bidang satelit ini," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan 'Merdeka Video Competition' 2014 di sini, Sabtu.

Abu Bakar berkata fungsi kegunaan satelit itu nanti bergantung kepada keperluan negara ketika itu dan kos yang diperlukan untuk membina satelit berkenaan belum ditentukan.

Dalam pada itu, beliau berkata Malaysia sudah semakin hampir untuk mencapai sasaran 70 saintis daripada 10,000 tenaga kerja menjelang 2020 sebagai usaha menjadi negara maju.

Katanya, setakat ini sudah ada 68 saintis Malaysia sekali gus kementeriannya optimis bahawa jumlah saintis tempatan akan lebih ramai menjelang 2020.

"Alhamdulillah negara kita sudah berada di landasan yang baik," katanya.

Abu Bakar berkata kementeriannya menjelajah ke seluruh negara menganjurkan aktiviti pameran sains dan inovasi terutamanya di sekolah terpilih bagi memupuk minat pelajar terhadap bidang itu.

"Ini pendekatan baik yang kita lakukan sepanjang tahun kerana telah menunjukkan kepada pelajar sekolah bahawa sains bukanlah bidang yang sukar tetapi perlu ada minat." katanya.

Johan pertandingan itu dimenangi pelajar jurusan Filem dan Televisyen dari LimKokWing University, V.Arvintharan dan tempat kedua milik Shakiratul Husna Raman, pelajar Sarjana jurusan Pengurusan Maklumat dari Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Pemenang tempat ketiga dimenangi pelajar jurusan Perniagaan Antarabangsa dari Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) S.Theivarubini.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 20 SEPTEMBER 2014 (SABTU)



## Musim Peralihan Monsun Mula Hujung September

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Malaysia dijangka melalui tempoh peralihan monsun iaitu ribut petir dan hujan lebat pada hujung bulan ini atau awal Oktober yang menggantikan fasa akhir Monsun Barat Daya.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) menyatakan fenomena itu diramal lebih kerap berlaku terutamanya pada sebelah petang, senja dan awal malam di kawasan negeri pantai barat Semenanjung dan pedalaman Kelantan, Terengganu, Pahang, Sabah serta Sarawak.

Selepas itu, negara dijangka mengalami Monsun Timur Laut pada pertengahan November dan akan berakhir pada Mac tahun hadapan.

Sebanyak empat atau lima episod hujan lebat monsun boleh menyebabkan banjir berlaku sepanjang musim ini di Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Sarawak dan Pantai Timur Sabah, kata MetMalaysia dalam kenyataan pada Jumaat.

Sementara itu, pencerapan semasa menunjukkan kemungkinan fenomena El Nino lemah berlaku sehingga hujung tahun ini adalah 60-65 peratus dan ia dijangka tidak memberi kesan ketara terhadap taburan hujan negara.

Fenomena El Nino belum berlaku sehingga minggu kedua September ini.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat cuaca terkini melalui talian hotline **1300-22-1638** atau laman sesawang cuaca dan laman sosial **MetMalaysia**.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 20 SEPTEMBER 2014 (SABTU)



## Gempa Bumi Sederhana Landa Kepulauan Solomon

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Satu gempa bumi sederhana bermagnitud 5.3 pada skala Richter melanda Kepulauan Solomon di tenggara Semporna, Sabah pada 8.55 malam ini.

Kenyataan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) menyebut pusat gempa terletak 57 kilometer tenggara Kirakira di Kepulauan Solomon dan 5,109 kilometer dari Semporna, Sabah.

Bagaimanapun, tiada ancaman tsunami dilaporkan.

-- BERNAMA

